

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2015

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk saluran dan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengagihkan hasil kutipan GST kepada rakyat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil kutipan termasuk GST akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Ianya adalah selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan di mana semua

hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan.

Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus di mana sebahagian besar adalah bagi sektor pendidikan, kesihatan, ekonomi, keselamatan, sosial dan perkara-perkara melibatkan kesejahteraan rakyat. Komponen Belanja Mengurus termasuk emolumen, hutang, subsidi, pembelian ubat-ubatan dan penyelenggaraan aset Kerajaan. Manakala baki (sekiranya ada) akan digunakan untuk menampung sebahagian daripada Perbelanjaan Pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat.